

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

*Malay Language Teaching and Learning Strategy among International Students at Universiti Malaysia Pahang*

Juwairiah Osman

[juwairiah@ump.edu.my](mailto:juwairiah@ump.edu.my)

Jamilah Bebe Mohamad

[jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my)

Anis Nabilla Ahmad

[anis.nabilla.ahmad118@gmail.com](mailto:anis.nabilla.ahmad118@gmail.com)

Jamal Rizal Razali

[jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my)

*Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang*

### ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa telah dijalankan di semua universiti awam dan swasta. Kursus ini secara umumnya bertujuan untuk memartabatkan bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa manakala secara khususnya bagi membantu mereka berkomunikasi sepanjang berada di Malaysia. Kajian ini akan menyoroti strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dan para pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Bagi membincangkan keberkesanan strategi tersebut, pengkaji menggunakan teori pembelajaran yang diperkenalkan oleh Kolb (1984). Menurut teori ini, proses pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) akan membantu dan mempercepatkan peningkatan kemahiran kognitif individu yang melibatkan pemerolehan konsep-konsep abstrak melalui penglibatan dalam pelbagai situasi. Kolb (1984) menggunakan istilah *concrete experience, reflective observation, abstract conceptualization* dan *active experiment*. Data dalam kajian, ini ialah jawapan pelajar dalam latihan Buku Modul Pembelajaran Bahasa Melayu dan pemerhatian dalam pelbagai aktiviti yang digunakan sepanjang mengendalikan kursus ini. Selain itu, satu borang soal selidik juga akan diberikan kepada para pelajar untuk menilai keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan oleh Teori Kolb (1984). Hasil analisis menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan topik yang berkaitan rapat dengan pengalaman kehidupan pelajar adalah lebih berkesan bagi membantu mereka menguasai dan bertutur dalam bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Bahasa Melayu, pengalaman pembelajaran, pelajar antarabangsa, strategi pengajaran dan pembelajaran

### ABSTRACT

*The teaching and learning of Malay language to international students was conducted in all public and private universities. This course is generally aimed at promoting the Malay language to international students to help them communicate throughout their stay in Malaysia. This study will highlight the teaching and learning strategies used by lecturers and international students at Universiti Malaysia Pahang (UMP) in teaching and learning Malay language. To discuss the effectiveness of the strategy, the researcher used the theory of learning introduced by Kolb (1984). According to this theory, experiential learning will help and accelerate the*

*improvement of individual cognitive skills involving the acquisition of abstract concepts through involvement in various situations. Kolb (1984) uses the term concrete experience, reflective observation, abstract conceptualization and active experiment. The data was collected from students' answers of the practices in the Malay Language Module and from observations in the various activities used throughout the course. In addition, a questionnaire was also given to students to evaluate the effectiveness of teaching and learning methods as suggested by Kolb Theory (1984). Results from analysis show that teaching and learning strategies based on topics related to students' life experience are effective to help them master and speak the Malay language.*

**Keywords:** International student, learning experience, Malay language, teaching and learning strategy

## PENGENALAN

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah cara dan teknik pendidik dalam memastikan para pelajar memahami input yang disampaikan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan sebenar. Pelbagai kaedah telah diusahakan oleh pendidik menggunakan modul, buku, alat bantu mengajar dan alatan media masa kini. Dalam hubungan ini, kursus bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa merupakan satu kursus yang sangat mencabar dan menarik dalam usaha membantu para pelajar antarabangsa dari pelbagai negara dan pelbagai bahasa ibunda untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih atau sekurang-kurangnya mampu bercakap dalam komunikasi asas dengan masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, strategi PdP bagi kursus bahasa Melayu kepada kepara pelajar antarabangsa perlu menitikberatkan topik yang relevan, mudah dan dekat dengan kehidupan para pelajar itu sendiri. Topik modul tersebut adalah yang berkaitan dengan pengalaman atau apa yang dilalui oleh pelajar sepanjang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Pahang, Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Model Kolb (1984).

Pembelajaran merupakan kecenderungan dan cara seseorang itu memproses maklumat yang disampaikan oleh guru. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza mengikut minat dan kemampuan masing-masing. Pembelajaran yang menarik minat dan mudah akan menjadi faktor terpenting dalam memastikan sesuatu ilmu itu boleh difahami dan diingati dalam jangka masa yang lama. Dalam konteks pembelajaran bahasa ketiga atau bahasa asing ini, pelajar antarabangsa memerlukan gaya pembelajaran yang menarik, santai dan efektif bagi memudahkan mereka memahami dan boleh mengingati frasa dan ayat bahasa Melayu. Keberkesanan ini mampu membantu pelajar untuk mula dan terus belajar berinteraksi dengan persekitaran bersama masyarakat Malaysia. Guru perlu menggunakan minat pelajar antarabangsa ini dan menyesuaikannya dengan kemampuan pelajar antarabangsa. Indikator yang utama dalam hal ini adalah menggunakan modul dan aktiviti yang mengandungi topik-topik dalam bahasa ketiga kepada penutur asing yang boleh memberi pengalaman dalam situasi perbualan sebenar. Hal ini bertepatan dengan Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman yang diutarakan oleh Kolb (1984), iaitu pembelajaran yang memberi ruang pada pelajar untuk membina pengalaman atau merasai sendiri pengalaman yang efektif.

Dalam hal ini, pengkaji melihat kebanyakan para pelajar antarabangsa lebih suka berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka seperti bahasa Arab, Urdu, Somali dan sebagainya. Seterusnya, menuturkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua untuk berinteraksi dengan orang lain terutama dalam proses pegajaran dan pembelajaran. Apabila mempelajari bahasa Melayu, penguasaan bahasa mereka agak perlahan kerana kurang mempraktikkan bahasa ketiga ini. Malah, sebahagian besar hanya mempelajari bahasa kebangsaan ini untuk mendapat markah yang baik sahaja. Maka, guru-guru bahasa telah memikirkan pelbagai inisiatif dan kaedah yang proaktif dalam menyuntik motivasi, minat dan cinta pada bahasa dan budaya Melayu agar memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran sekali gus menambah kemahiran insaniah pelajar antarabangsa itu sendiri untuk bekerja kelak. Jelasnya, guru bahasa ingin menganjurkan aktiviti kebahasaan seperti pidato, lakonan, deklamasi puisi, pantun, nyanyian lagu puisi dan lagu biasa. Walaupun mereka hanya memahami sebahagian teks dan karya sastera persembahan ini, namun aktiviti ini diyakini berkesan dalam pembelajaran bahasa ketiga kepada penutur asing. Persembahan akhir ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar antarabangsa tentang penggunaan bahasa melalui persembahan kebahasaan atau aktiviti bahasa. Aktiviti bahasa dapat membantu menambah keyakinan dan kemahiran para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu seterusnya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam jurusan masing-masing.

Persembahan ini juga diharap dapat memberi pengetahuan kepada pelajar antarabangsa tentang pelbagai budaya yang terdapat di Malaysia sekali gus menyemarakkan perpaduan dengan masyarakat luar negara di universiti ini.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dijalankan kerana majoriti para pelajar antarabangsa sukar untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik meskipun asas komunikasi mudah. Permasalahan yang dikenal pasti bagi kursus ini adalah para pelajar antarabangsa berpendapat cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menterjemah kosa kata, ayat dan membuat latihan di dalam modul sahaja bersifat pasif dan tidak interaktif apatah lagi bahasa Melayu merupakan bahasa baharu yang dipelajari. Kebanyakan para pelajar antarabangsa diperhatikan lebih suka berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka seperti bahasa Arab, Urdu, Somali, Mandarin, Tamil dan sebagainya. Permasalahan seterusnya ialah para pelajar akan menuturkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua untuk berinteraksi dengan orang lain terutama dalam proses PdP di fakulti masing-masing. Lantaran itu, apabila mereka mempelajari bahasa Melayu, penguasaan mereka agak perlahan dalam bahasa ini kerana kurangnya mereka mempraktikkan bahasa ketiga ini. Malah, sebahagian besar hanya mempelajari bahasa kebangsaan ini untuk tujuan mendapat markah yang baik sahaja demi mengekalkan nilai gred yang mereka perolehi. Maka, guru-guru bahasa telah memikirkan pelbagai inisiatif dan strategi yang proaktif dalam menyuntik motivasi, minat dan cinta pada bahasa dan budaya Melayu agar memudahkan proses PdP sekali gus menambah kemahiran insaniah pelajar antarabangsa itu sendiri untuk bekerja kelak.

Dalam hubungan ini, guru-guru bahasa secara amnya tidak memahami gaya pembelajaran yang sesuai untuk pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Kebanyakkan guru lebih menggunakan PdP tradisional dan mengikut cara yang biasa sahaja. Hal ini disokong oleh Honey dan Mumford (1992) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai penerangan terhadap sikap dan tingkah laku yang menentukan kecenderungan cara pembelajaran individu. Konflik yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran adalah berkait dengan perbezaan gaya pembelajaran antara tenaga pengajar dan pelajar serta kehendak hasil pembelajaran yang ditetapkan. Pendidik biasanya cenderung untuk mengajar mengikut gaya pembelajaran mereka sendiri dan mengandaikan semua pelajar boleh mengikuti pengajaran. Dalam usaha ini, guru-guru bahasa di Universiti Malaysia Pahang telah menyediakan dan menerbitkan modul yang mengandungi kandungan topik yang sangat rapat dengan kehidupan mereka sebagai pelajar antarabangsa dan pelajar bahasa ketiga. Justeru, kaedah menganjurkan aktiviti kebahasaan seperti pidato, lakonan, deklamasi puisi, pantun, nyanyian lagu puisi dan lagu biasa diyakini berkesan dalam pembelajaran bahasa ketiga kepada penutur asing.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan kepada para pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di kedua-dua kampus Pekan dan Gambang. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. mengenal pasti topik dan aktiviti dalam modul bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang, iaitu Modul *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate*, dan
- ii. menganalisis topik dan aktiviti dalam modul *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate* berdasarkan Model Kolb Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (1984).

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting kepada pelajar antarabangsa UMP bagi mencari gaya pembelajaran yang sesuai, berkesan dan menepati kehendak hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Kajian ini juga penting dilaksanakan kerana selaras dengan perkembangan ilmu yang semakin berkembang dari semasa ke semasa, maka kaedah PdP juga seharusnya menerapkan kaedah dan aplikasi terkini dalam proses pengajaran. Pendekatan model KOLB (1984) ini dilihat bukanlah kaedah PdP yang berfokus dan bertumpu dalam kelas semata-mata, tetapi keempat-empat gaya pembelajarannya berkesan dalam pembelajaran bahasa asing. Menurut Kolb (1984), individu ini suka membuat perbandingan, bertindak mengikut perasaan dan tidak suka melakukan sesuatu melalui pembacaan. Selain itu, mereka suka berinteraksi dengan maklum balas, aktiviti kemahiran dan dibimbing kaedah pembelajaran kendiri yang sesuai dengan diri mereka. Hartrnan (1995) mengelaskan mereka kepada golongan pragmatis. Mereka gemar mencuba sesuatu idea, teori dan teknik sedia ada untuk memastikan sama ada ia berguna dalam situasi sebenar atau tidak. Justeru itu, apabila guru bahasa menggunakan kaedah PdP di luar kelas dan aktiviti kebahasaan, maka ini menyediakan medium untuk para pelajar mencuba sendiri topik perbualan dalam modul. Berbanding dengan cara pembelajaran tradisional dan biasa, iaitu sekadar menterjemah kosa kata dan menghalal tanpa mencuba sendiri melakukan perbualan di domain sebenar.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian literatur tentang strategi pembelajaran bahasa yang muncul daripada kesedaran untuk mengenal pasti ciri-ciri pelajar bahasa yang berjaya telah diperkenalkan oleh Rubin dan Stern pada tahun 1975. Kajian mereka telah dilihat meneroka bagaimana pelajar yang berjaya mempelajari bahasa dan perbezaan jenis strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa terbabit. Selain itu, berdasarkan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki strategi pembelajaran bahasa lebih berjaya daripada pelajar yang tidak menggunakan strategi pembelajaran. Hal ini boleh dilihat dalam PdP berdasarkan gaya pembelajaran Kolb yang telah disusun oleh pengkaji kepada empat peringkat, iaitu pemerhatian reflektif (pembelajaran dalam kelas), konseptual abstrak (pembelajaran di luar kelas), eksperimen aktif (pembelajaran di luar kelas) dan pemerhatian konkret (persembahan dan program). Kesemua peringkat ini menunjukkan kesan dalam keputusan pelajar berbanding tahun yang lalu seperti dalam analisis kajian.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Bialystok (1985) telah memberi takrifan strategi pembelajaran bahasa sebagai cara atau langkah yang diambil bagi mengguna dan mengeksplorasi maklumat yang ada untuk mempertingkatkan kecekapan dalam bahasa kedua. Perkara ini turut disokong dengan kenyataan oleh Oxford (1990) yang mengatakan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa ialah satu tindakan khusus yang diambil oleh tenaga pengajar untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih mudah, cepat, menyeronokkan, lebih ke arah kendiri serta lebih cekap. Secara amnya, di Malaysia juga terdapat beberapa kajian berkaitan strategi pengajaran telah dilakukan antaranya oleh Rohaila Yusof Norasmah Othman dan Faridah Karim, (2005), Zamri Mahamod Nik Mohd et all, (2014), Nur Khadijah Abu Bakar dan Zamri Arifin, (2014), Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar, (2016) dan Roshidah Hassan, (2017).

Kajian yang dijalankan oleh Rohaila Yusof, Norasmah Othman dan Faridah Karim (2005) adalah untuk menguji kesan gaya pembelajaran yang pelbagai terhadap pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran, khususnya pendidikan perakaunan. Gaya pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini ialah gaya pembelajaran berasaskan kepada teori Kolb. Untuk itu, kaedah menguasai eksperimen telah dilaksanakan dengan melibatkan seramai 145 pelajar Kursus Pengantar Perakaunan Kewangan di sebuah IPTA. Tujuan kajian ialah menguji kesan gaya pembelajaran terhadap peningkatan kemahiran kognitif yang dibahagikan kepada dua aras kesukaran iaitu kemahiran teknikal (aras kognitif rendah) dan kemahiran analitikal (aras kognitif tinggi) melalui strategi pembelajaran pengalaman berasaskan Model Kolb (KPK) berbanding strategi pembelajaran tradisional (PT). Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan kepelbagaian gaya pembelajaran terhadap prestasi pelajar sebelum rawatan. Selepas rawatan hasil kajian melalui analisis ANOVA dua hala menunjukkan bahawa

tidak ada signifikan bagi interaksi gaya pembelajaran dan rawatan. Seterusnya, perkaitan di antara empat fasa pembelajaran dalam strategi KPK diuji bagi melihat sama ada terdapat sumbangannya terhadap kemahiran kognitif. Fasa eksperimentasi aktif didapati mempunyai perkaitan yang kuat dengan pencapaian kemahiran kognitif. Sementara pencapaian kemahiran teknikal pula banyak disumbang oleh aktiviti fasa III dan IV iaitu eksperimentasi aktif dan konseptual abstrak. Fasa I dan II didapati menyumbang terhadap pencapaian kemahiran analitikal.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zamri Mahamod Nik Mohd *et al.* (2014) bertajuk “Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing.” Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred (*Malay Language Learning Strategies among Foreign Students Based on Language Skills and Grade*) dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar warganegara asing berdasarkan kemahiran bahasa dan gred Bahasa Melayu dalam peperiksaan akhir kursus Bahasa Melayu. Responden kajian terdiri daripada 500 orang pelajar warganegara asing yang sedang menuntut di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Instrumen soal selidik telah digunakan dalam pengumpulan data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa berdasarkan kemahiran bahasa dan gred banyak mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. Pelajar warganegara asing yang memperoleh gred Bahasa Melayu yang cemerlang banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa, terutamanya dalam kemahiran bertutur dan membaca bahasa Melayu. Implikasi kajian ialah kemahiran bahasa yang baik banyak mempengaruhi pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing.

Seterusnya, dilihat pula kepada kajian Nur Khadijah Abu Bakar dan Zamri Arifin, (2014) yang bertajuk “Penggunaan Strategi Belajar Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Satu Sorotan” memaparkan satu tinjauan literatur yang dilakukan ke atas satu bentuk soal selidik strategi mempelajari bahasa yang telah banyak dikaji dalam skop pedagogi dalam mempelajari bahasa Inggeris, tetapi masih sedikit terhadap bahasa Arab. Analisis ini memberi fokus pada kajian berkenaan keserasian strategi belajar bahasa melalui instrumen *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL) untuk diadaptasikan kepada proses pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar bahasa. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan SILL dalam mempelajari bahasa kedua adalah positif dan ini membuktikan bahawa pembelajaran bahasa asing memerlukan strategi yang tersendiri khususnya melihat kelebihan dan kekurangan daripada sorotan strategi yang digunakan oleh pendidik yang lalu.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2016) pula meneliti “Hubungan antara strategi pembelajaran bahasa Melayu dengan motivasi pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di Jerman”. Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengemukakan instrumen soal selidik bagi mengumpul data. Seramai 44 orang pelajar di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman, telah dipilih sebagai responden kajian. Data soal selidik dianalisis dengan menggunakan ujian korelasi Pearson, r. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dengan motivasi pelajar. Hal ini demikian kerana dapatan kajian ini menunjukkan pelajar di Jerman menggunakan 18 strategi pembelajaran seperti duduk di hadapan ketika guru sedang mengajar, mendengar lagu-lagu bahasa Melayu, membuat latih tubi dalam buku, bermonolog dalam bahasa Melayu dan ketika kelas bahasa Melayu, pelajar hanya menuturkan bahasa Melayu sahaja. Kajian ini membuktikan dan menyokong pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di UMP kerana mengetengahkan pelbagai strategi bagi memberi motivasi dalam pembelajaran bahasa asing, iaitu menekankan aktiviti di dalam kelas, di luar kelas dan persembahan untuk menyuntik motivasi dan menyediakan medium yang lebih interaktif seperti kajian Noor Zuhidayah ini.

Manakala kajian oleh Roshidah Hassan (2017), yang bertajuk “Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis” membincangkan mengenai gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kajian dijalankan di Institut National des Langues et Civilisations Orientales (INA LCO), Paris. Subjek kajian terdiri daripada 19 pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Indonesia/Malaysia, Jabatan Asia Tenggara dan Asia Pasifik (Centre du Asie du Sud-est et Pacifique), INALCO. Kajian ini bertujuan untuk memahami dan menghuraikan gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Data kajian diperolehi melalui soal selidik yang diadaptasi dari soal selidik Wang

(2015) dan dianalisis menggunakan statistik mudah yang melihat kekerapan dan peratusan gaya dan strategi yang digunakan oleh pelajar. Analisis gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam pembelajaran BM dibuat mengikut empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur mengikut kerangka Christison (2003). Strategi pembelajaran pula dianalisis berdasarkan kerangka teoretikal Oxford (1990) yang membahagikan strategi kepada 6 kategori utama iaitu strategi ingatan, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif dan sosial. Soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik merangkumi semua kategori strategi pembelajaran tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Perancis gemar mengamalkan gaya pembelajaran bersifat visual, global, *field-dependent* dan reflektif serta cenderung menggunakan strategi ingatan, metakognitif, afektif dan sosial dalam pembelajaran bahasa mereka.

Jelaslah bahawa kesemua tinjauan yang dilakukan terhadap kajian-kajian lalu berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran mempunyai pengaruh langsung dan tidak langsung dalam pencapaian dan penguasaan para pelajar khususnya dalam menguasai sesuatu bahasa asing atau baru yang mereka ingin pelajari. Oleh yang demikian, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa yang sesuai tepat dan merangkumi kepelbagai aspek mampu membantu mereka menguasai sesuatu bahasa dengan lebih pantas.

## **DATA KAJIAN**

Kajian ini akan menggunakan data daripada modul bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa, iaitu Modul *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate*. Tajuk yang terkandung dalam modul ini adalah topik yang berkaitan dengan pengalaman kehidupan pelajar antarabangsa sepanjang pengajian di Malaysia. Berikut merupakan jadual isi kandungan kedua-dua kursus ini:

### **JADUAL 1 Isi Kandungan dalam Modul *Malay for Beginners***

#### **Modul *Malay For Beginners* (oleh: Juwairiah Osman dan Jamilah Bebe Mohamad)**

##### Bab 1: Ucapan Harian

(Kata Ganti Nama Diri, Kata Tanya, Kata Hubung)

Aktiviti Ucapan Harian - di Dalam dan Luar kelas

##### Bab 2: Jom Berkenalan

(Petikan Ringkas, Nama Fakulti, Kata Sapaan, Dialog Berkenalan, Nombor, Nombor Telefon)

(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)

Aktiviti “Jom Berkenalan” - di Dalam dan Luar Kelas

##### Bab 3: Saya Selalu Membeli Makanan di Kafetaria Kolej

(Petikan Ringkas, Perbualan di Kafetaria, Gambar Jenis Makanan, Minuman dan Alatan di Kafetaria, Kosa Kata, Kata Kerja, Kata Hubung, Kata Ganti Diri dan Kata Tunjuk)

(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)

Aktiviti Perbualan di Kafetaria - di Dalam dan Luar Kelas

##### Bab 4: Saya Tinggal Di Asrama Kolej Keempat

(Petikan Ringkas, Kemudahan Asrama, Kosa Kata, Kata Kerja, Kata Bantu, Kata Hubung, Kata Ganti Diri dan Kata Tunjuk)

(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)

Aktiviti Perbualan di Asrama - di Dalam dan Luar Kelas

##### Bab 5: Ini Kelas Saya

(Petikan Ringkas, Alatan di dalam Kelas, Dialog di dalam Kelas, Kata Tunjuk, Kata Hubung)

(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)

Aktiviti Perbualan di Kelas - di Dalam Kelas

Bab 6: Saya Suka Pergi Perpustakaan (Petikan Ringkas, Alatan di Perpustakaan, Kata Adjektif, Kata Kerja, Dialog di Perpustakaan) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan di Perpustakaan - di Dalam dan Luar kelas
Bab 7: Hobi Saya Membaca Buku (Jenis Hobi, Kosa Kata, Kata Kerja, Kata Bantu, Kata Hubung, Kata Ganti Diri dan Kata Tunjuk) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan “Hobi” - di Dalam dan Luar kelas
Aktiviti Minggu Akhir: Persembahan Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa

**JADUAL 2** Isi Kandungan dalam Modul *Malay for Intermediate*

**Modul Malay For Intermediate (oleh: Jamilah Bebe Mohamad)**

Bab 1: Negara, Budaya dan Perayaan di Malaysia (Petikan Ringkas, Kategori Kaum dan Perayaan, Dialog, Kata Nama, Kata Kerja, Imbuhan) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan “Negara, Budaya dan Perayaan di Malaysia” - di Dalam dan Luar Kelas
Bab 2: Pakaian dan Aksesori (Petikan Ringkas, Jenis Pakaian, Dialog, Kata Adjektif, Pakaian dan Jenis Aksesori Setiap Kaum) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan “Pakaian dan Aksesori” - di Dalam dan Luar Kelas
Bab 3: Buah dan Warna (Petikan Ringkas, Jenis Buah, Jenis Warna, Dialog) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan “Buah dan Warna” - di Dalam dan Luar Kelas
Bab 4: Hobi, Cita-cita dan Kerjaya (Pekerjaan) (Petikan, Jenis Hobi, Cita-cita dan Kerjaya, Perbualan) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan “Hobi, Cita-cita dan Kerjaya” - di Dalam dan Luar Kelas
Bab 5: Anggota Tubuh dan Kesihatan Saya (Petikan, Anggota Tubuh Badan Saya, Fungsi Anggota Tubuh Badan, Jenis Penyakit, Ubat-ubatan) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti Perbualan “Anggota Tubuh dan Kesihatan Saya”- di Dalam dan Luar Kelas
Bab 6: Percutian dan Melancong (Petikan, Tempat Percutian Menarik di Malaysia, Peta Malaysia, Kata Adjektif dan Kata Kerja, Kenderaan, Tempat Menginap dan Alatan untuk Melancong) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti “Percutian dan Melancong” - di Dalam dan Luar Kelas
Bab 7: Arah, Papan Tanda dan Peta (Arah, Kedudukan, Membaca Papan Tanda, Membaca Peta, Mengenal Lampu Isyarat) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti “Arah, Papan Tanda dan Peta” - di Dalam dan Luar Kelas
Bab 8: Musim dan Cuaca (Jenis Cuaca, Jenis Puasa, Alatan digunakan dalam Pelbagai Cuaca) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> ) Aktiviti “Musim dan Cuaca” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 9: Perbualan Harian

(Di Pejabat Pos, Di Restoran, Di Kedai Runcit, Di Asrama, Di Universiti)

(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)

Aktiviti “Perbualan Harian” - di Dalam dan Luar Kelas

**Aktiviti Minggu Akhir: Persembahan Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa**

Kesemua elemen yang dijadikan sebagai sumber data untuk kajian ini merupakan aktiviti yang berlangsung sepanjang proses PdP dilaksanakan kepada para pelajar ini. Oleh yang demikian, data yang diperolehi adalah bersifat terus dan situasi sebenar yang berlaku dan dikaji.

Selain itu, data juga diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada 80 orang para pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang telah mengikuti Kursus *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate* di Universiti Malaysia Pahang. Jawapan yang diperolehi melalui latihan dan ujian turut dikumpul sebagai data kajian. Kajian ini mengaplikasikan model yang diperkenalkan oleh Kolb (1984), iaitu proses pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) akan membantu dan mempercepatkan peningkatan kemahiran kognitif individu yang melibatkan pemerolehan konsep-konsep abstrak melalui penglibatan dalam pelbagai situasi. Kolb (1984) menggunakan istilah *concrete experience, reflective observation, abstract conceptualization* dan *active experiment*.

## METODOLOGI DAN KERANGKA MODEL

Metodologi kajian yang digunakan ialah gabungan dua kaedah kajian iaitu, kajian kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan ialah pemerhatian ikut serta dan temu bual tidak berstruktur manakala kaedah kuantitatif ialah penggunaan peratusan purata yang diperolehi berdasarkan borang soal selidik.

Responden kajian ini merupakan 80 orang pelajar antarabangsa, iaitu 73 orang pelajar lelaki dan 7 orang pelajar perempuan yang telah mengikuti kursus *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate* pada semester 1 dan 2 (2017/2018).

Hal ini bagi memberi pengalaman yang mudah difahami oleh pelajar seperti yang terkandung dalam Model Kolb (1984), iaitu memberi para pelajar peluang untuk merasai pengalaman dalam topik yang dipelajari dan bukan sekadar teori atau aktiviti menterjemah kosa kata dan ayat sahaja. Menurut Kolb lagi, keempat-empat kategori PdP boleh dijalankan mengikut pendekatan pendidik. Dalam kajian ini, guru bahasa di UMP memanfaatkan Model Kolb pada 4 kategori mengikut susunan tersendiri. Susunan ini dirangka dalam carta alir. Kaedah ini mesti dijalankan dengan baik dalam menyediakan pelajar dengan pengalaman sebenar berdasarkan topik silibus iaitu, pemerhatian reflektif (*reflective observation*) yang melibatkan latihan di dalam kelas sahaja, kemudian konseptual abstrak (*abstract conceptualization*) adalah menonton perbualan secara audio dan visual di dalam kelas dan tempat sebenar. Setelah itu, eksperimen aktif (*active experiment*) dengan memberi peluang pelajar cuba berkomunikasi di tempat perbualan sebenar seperti kafetaria, perpustakaan dan kelas dengan bimbingan guru dan bantuan pelajar tempatan. Akhir sekali, kategori gaya pembelajaran adalah pengalaman konkret (*concrete experience*) iaitu mengadakan persembahan drama muzikal pada minggu akhir bagi memberi peluang para pelajar merasai pengalaman sendiri dan menonjolkan tahap penguasaan bahasa Melayu yang telah dicapai.

Model Pembelajaran Kolb adalah satu model pembelajaran pengalaman yang telah mendapat perhatian berbagai bidang pengajian khususnya yang memerlukan latihan amali. Model ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah. Kolb (1984) menerangkan model ini seperti berikut:

- i. Pelajar yang berorientasikan pemerhatian reflektif cenderung memikirkan makna sesuatu situasi dan idea. Pelajar yang melalui gaya pembelajaran ini akan melihat dan memikirkan maksud perkataan dan situasi yang dipelajari.

- ii. Pelajar yang melalui kaedah konseptual abstrak dapat menghasilkan teori dan idea daripada pemerhatian yang dilakukan. Teori yang dipelajari akan diaplikasikan untuk menganalisis dan berfikir pada persekitaran sebenar.
- iii. Pelajar yang menjalani eksperimen aktif adalah melibatkan diri secara langsung dalam topik yang dipelajari. Pelajar akan berbincang dalam kumpulan, berfikir bersama dan mencari pengalaman baru dalam topik pembelajaran.
- iv. Pelajar yang belajar dari sudut mendapatkan pengalaman konkrit akan melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti untuk mendapatkan pengalaman baru. Mereka dapat belajar dengan baik melalui pemerhatian dan melakukannya sendiri untuk merasai pengalaman yang telah dikuasai.

Namun, dalam kajian strategi PdP dalam kalangan pelajar antarabangsa ini, pengkaji telah mengaplikasikan 4 (EMPAT) gaya pembelajaran Model Kolb atau dikenali sebagai “pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb” pada susunan 4 kategori, iaitu bermula pemerhatian reflektif, kedua, konseptual abstrak, ketiga, eksperimen aktif dan keempat, pengalaman konkrit. Berikut merupakan rajah susunan 4 kategori tersebut yang dirangka oleh pengkaji.



**RAJAH 1** Carta Alir Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa Melalui Model Kolb

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis kajian ini akan dibahagikan kepada analisis perbincangan strategi PdP dalam Modul *Malay For Beginners* dan analisis strategi PdP dalam *Modul Malay For Intermediate*. Seterusnya analisis akan dilakukan berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada borang soal selidik dan temu bual yang dilaksanakan kepada para pelajar ini. Berikut merupakan analisis dan perbincangan kajian ini.

### i) ANALISIS STRATEGI PDP BERDASARKAN MODUL MALAY FOR BEGINNERS

Analisis Strategi PdP berdasarkan modul *Malay for Beginners* adalah berdasarkan jadual di bawah:

**JADUAL 3** Analisis Isi Kandungan Modul *Malay for Beginners* berdasarkan Model Kolb

<b>BAB</b> <i>Chapter</i>	<b>TOPIK</b> <i>Topic</i>	<b>Aktiviti di Dalam Kelas</b>	<b>Aktiviti di Luar Kelas</b>	<b>Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (1984)</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>Ucapan (Greetings)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> dengan berkomunikasi menggunakan ucapan harian dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> )
<b>BAB 2</b>	<b>Jom Berkenalan (Lets to Introduce Ourselves)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Jom Berkenalan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama dan kelas serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> )
<b>BAB 3</b>	<b>Saya Selalu Beli Makanan Di Kafetaria Kolej (I Always Buy Food at College Cafetaria)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Selalu Beli Makanan di Kafetaria Kolej” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kafetaria serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkret ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 4</b>	<b>Saya Tinggal di Asrama Kolej Keempat</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Tinggal di	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract</i>

	<b>(I live at Hostel in College Four)</b>	<i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Asrama Kolej Keempat” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama serta merakamkan perbualan tersebut.		<i>conceptualization), eksperimen aktif (active experiment) dan pengalaman konkrit (concrete experience).</i>
<b>BAB 5</b>	<b>Ini Kelas Saya (This is My Class)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Ini Kelas Saya” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kelas atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.		Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 6</b>	<b>Saya Suka Pergi Ke Perpustakaan (I Like Go to the Library)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Suka Pergi Perpustakaan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di perpustakaan serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 7</b>	<b>Hobi Saya Membaca Buku (My Hobby is Reading)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Hobi Saya Membaca Buku” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama, gelanggang sukan atau mana-mana	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )

			kawasan kampus serta merakamkan perbualan tersebut.		
	<b>Aktiviti Persembahan</b> Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa	Membuat skrip tentang topik yang dikuasai dalam bahasa Melayu dengan nasihat dan bimbingan guru. Kemudian, mempersebahankan kemahiran bertutur bahasa Melayu yang dikuasai dalam bentuk <i>Drama Muzikal Bahasa Melayu</i> secara berkumpulan.		Memerhati Berfikir Melakukan PERASAAN (pembelajaran berdasarkan pengalaman)	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkret ( <i>concrete experience</i> )

Berdasarkan kajian yang dijalankan, topik dalam modul yang dihasilkan oleh Juwairiah Osman dan Jamilah Bebe Mohamad (2018), iaitu “Ucapan”, “Jom Berkenalan”, “Saya Selalu Beli Makanan di Kafetaria Kolej”, “Saya Tinggal di Asrama Kolej Keempat”, “Ini Kelas Saya”, “Saya Suka Pergi Ke Perpustakaan” dan “Hobi Saya Membaca Buku” adalah topik yang dijalankan oleh pelajar secara memerhati, berfikir dan melakukan. Pada peringkat pemerhatian reflektif, para pelajar antarabangsa bagi kursus UHF1161: *Malay For Beginners* ini membuat latihan terjemahan, memahami frasa dan ayat, membaca dialog menerusi topik-topik tersebut di dalam kelas. Ini bermaksud mereka melalui proses PdP dengan memerhati segala bentuk topik perbualan secara visual dan audio. Kemudian, dengan topik-topik yang sama, para pelajar mengukuhkan kefahaman dengan melawati domain atau tempat sebenar di persekitaran kampus yang terpilih bagi melihat sendiri perbualan dalam kalangan orang Malaysia. Dengan cara ini, pelajar akan berfikir dengan melihat sendiri situasi dialog yang terdapat dalam modul. Kolb mengklasifikasikan kaedah ini sebagai Konseptual Abstark, iaitu pelajar antarabangsa mempelajari bahasa ketiga ini dengan membuat konsep secara abstrak dalam minda mereka sebelum mula mempraktiskan sendiri bahasa Melayu. Tempat sebenar yang dilawati ialah kafetaria, asrama, kelas, perpustakaan, kompleks sukan dan persekitaran kampus bagi mencuba melakukan perbualan dan interaksi dengan orang Malaysia dan merakamkannya sebagai panduan dan penambahbaikan bagi persembahan pada minggu akhir. Bagi setiap topik, pelajar akan melakukan latihan mendengar (*listening*), membaca (*reading*), menulis (*writing*) dan bertutur (*speaking*) yang terdapat dalam modul.

Pada peringkat eksperimen aktif, para pelajar diminta ke domain tersebut sekali lagi (aktiviti di luar kelas) dan berkomunikasi dengan orang Malaysia. Namun, tugas ini dibahagi secara berkumpulan. Pada minggu akhir, para pelajar antarabangsa dari pelbagai negara ini akan mengadakan satu persembahan drama muzikal secara berkumpulan bertemakan topik-topik yang telah dipelajari dalam modul *Malay For Beginners* dan mengimprovisasi perbualan tersebut dengan mengaitkannya dengan kehidupan orang Melayu. Namun, dalam masa yang sama, pelajar akan melakukan bagi setiap topik latihan mendengar (*listening*), membaca (*reading*), menulis (*writing*) dan bertutur (*speaking*) yang terdapat dalam modul. Pada peringkat proses PdP di minggu akhir kuliah adalah para pelajar dikatakan telah mendapat pengalaman bagi merasai dan mengamati sendiri (perasaan) berkenaan tahap penguasaan bahasa Melayu masing-masing. Peringkat ini memberi pelajar melalui Pembelajaran Berasaskan Pengalaman yang diutarakan oleh Model Kolb (1984). Walaupun gaya pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb ini tidak disusun mengikut langkah yang telah digunakan oleh guru bahasa di UMP ini, namun keempat-empat gaya yang digunakan secara susunan ini menunjukkan

keberkesanan dan inovasi yang baik dalam membantu pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih baik, tersusun, interaktif, inovatif dan tidak membosankan.

## ii) ANALISIS STRATEGI PDP DALAM MODUL *MALAYS FOR INTERMEDIATE*

Analisis Strategi PdP berdasarkan modul *Malay for Intermediate* adalah berdasarkan jadual di bawah:

**JADUAL 4** Analisis Isi Kandungan Modul *Malay for Beginners* berdasarkan Model Kolb

BAB <i>Chapter</i>	TOPIK <i>Topic</i>	Aktiviti di Dalam Kelas	Aktiviti di Luar Kelas	Model	Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (1984)
<b>BAB 1</b>	<b>Budaya, Kaum dan Negara Malaysia (Culture, Race and Country of Malaysia)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening,</i> <i>Reading</i> dan <i>Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> dengan berkomunikasi tentang perbualan “Budaya, Kaum dan Negara Malaysia” dengan rakan- rakan dan pelajar Malaysia.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> )
<b>BAB 2</b>	<b>Buah dan Warna (Fruit dan Colour)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening,</i> <i>Reading</i> dan <i>Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Buah dan Warna” dengan rakan- rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama atau kelas serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> )
<b>BAB 3</b>	<b>Hobi, Cita-cita dan Pekerjaan (Hobby, Ambition and Career)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening,</i> <i>Reading</i> dan <i>Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Hobi, Cita-cita dan Pekerjaan” dengan rakan- rakan dan pelajar Malaysia ketika di kafetaria, kompleks sukan atau gelanggang sukan serta	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )

			merakamkan perbualan tersebut.		
<b>BAB 4</b>	<b>Penyakit (Disease)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Penyakit” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama dan klinik kesihatan universiti serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 5</b>	<b>Anggota Tubuh Badan dan Kesihatan Saya (A Part of Body and My Healthy)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Anggota Tubuh Badan dan Kesihatan Saya” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kelas atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> )
<b>BAB 6</b>	<b>Cuti dan Melancong (Holiday and Vacation)</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Cuti dan Melancong” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 7</b>	<b>Arah, Kedudukan dan Destinasi</b>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Arah,	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak

	<b>(Direction, Position and Destination)</b>	latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	kedudukan dan “Destinasi” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama atau mana-mana kawasan kampus serta merakamkan perbualan tersebut.		( <i>abstract conceptualization</i> ) eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ), dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 8</b>	<b>Musim dan Cuaca</b>  ( <i>Season and Weather</i> )	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Musim dan Cuaca” serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 9</b>	<b>Perbualan Harian</b>  ( <i>Routine Communication</i> )	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Perbualan Harian” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kelas, asrama, perpustakaan atau kaunter pejabat serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ), eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
	<b>Aktiviti Persembahan</b>  Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa  Para pelajar bergabung menjalankan 1 produksi drama muzikal Melayu.			Memerhati Berfikir Melakukan  PERASAAN (pembelajaran berdasarkan pengalaman)	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )

	<p>Skrip dibuat oleh pelajar dengan bantuan dan bimbingan guru.</p> <p>Drama bertajuk: <i>Persahabatan, Anak Perantauan, Saya Pelajar Cemerlang, Saya Suka Melancong,</i></p> <p>Lagu: <i>Warisan, Warigh, Sahabat, Memori Tercipta, Sampaikan Salam</i></p>				
--	--	--	--	--	--

Berdasarkan kajian yang dijalankan, topik dalam modul *Malay For Intermediate* ini lebih sedikit mendalam dan ke arah komunikasi harian yang lebih menyeluruh kerana para pelajar telah lulus dalam kursus *Malay For Beginners* (asas pengenalan bahasa Melayu). Topik yang terkandung dalam modul *Malay For Intermediate* (lanjutan bahasa Melayu) oleh Jamilah Bebe Mohamad (2018), iaitu “Budaya, Kaum, Negara Malaysia”, “Buah dan Warna”, “Hobi, Cita-cita dan Pekerjaan”, “Penyakit”, “Anggota Tubuh Badan dan Kesihatan Saya”, “Cuti dan Melancong”, “Arah, Kedudukan dan Destinasi”, “Musim dan Cuaca” dan “Perbualan Harian” yang dijalankan oleh pelajar secara kaedah memerhati, berfikir, melakukan yang seterusnya merasai pengalaman sendiri seperti yang terkandung dalam Jadual 3 dan 4. Dalam hal ini, para pelajar antarabangsa melakukan latihan terjemahan, memahami frasa dan ayat, membaca dialog menerusi topik-topik tersebut di dalam kelas sama seperti kelas UHF1161: *Malay For Beginners*. Ini bermaksud para pelajar melalui proses PdP dengan memerhati, atau Pemerhatian Reflektif. Kemudian, dengan topik-topik yang sama, para pelajar mengukuhkan kefahaman dengan melawati domain atau tempat sebenar. Dengan cara ini pelajar akan berfikir dengan melihat sendiri situasi dialog yang terdapat dalam modul. Kolb mengklasifikasikan kaedah ini sebagai Konseptual Abstark. Namun, para pelajar *Intermediate* lebih banyak melakukan perbualan yang lebih menyeluruh yang melibatkan keempat-empat gaya pembelajaran Kolb, iaitu aktiviti memerhati, berfikir, melakukan dan mengamati sendiri perbualan. Dalam masa yang sama, latih tubi diteruskan berdasarkan modul, iaitu latihan mendengar (*listening*), membaca (*reading*), menulis (*writing*) dan bertutur (*speaking*) yang terdapat dalam modul.

Peringkat eksperimen aktif, pelajar akan diminta oleh guru untuk ke tempat sebenar iaitu kedai runcit, pusat sukan, kaunter tiket, klinik kesihatan universiti, kedai buah-buahan dan persekitaran kampus bagi mencuba melakukan perbualan dan interaksi dengan orang Malaysia dan merakamkannya sebagai panduan dan penambahbaikan bagi persembahan pada minggu akhir. Rakaman ini dikongsi di dalam kumpulan laman sosial bersama-sama guru dan rakan-rakan pelajar yang pernah mengambil kedua-dua kursus bahasa Melayu ini. Pada minggu akhir, para pelajar antarabangsa dari pelbagai negara ini akan mengadakan satu persembahan Drama Muzikal secara berkumpulan bertemakan topik-topik yang telah dipelajari dalam modul *Malay For Intermediate* dan mengimprovisasikan dengan topik tentang kehidupan orang Melayu. Pada peringkat proses PdP tersebut para pelajar dikatakan telah mendapat pengalaman secara holistik bagi merasai dan mengamati sendiri (perasaan) dan tahap penguasaan yang telah dipelajari selain memantapkan motivasi untuk terus mempraktikkan bahasa Melayu dalam komunikasi. Hal ini sekali gus menambah keyakinan untuk belajar di Malaysia.

### iii) ANALISIS BERDASARKAN BORANG SOAL SELIDIK DAN TEMUBUAL

Soal selidik dan temu bual dijalankan kepada 80 pelajar antarabangsa (yang telah mengambil kedua-dua tahap kursus ini) dan temu bual juga dilakukan kepada pelajar berkenaan.

**JADUAL 5** Analisis Soal Selidik dan Temu Bual

Konstruk	Kategori	Bilangan (N=79)	Peratusan
<b>Jantina</b>	Lelaki	73	92%
	Perempuan	7	8%
<b>Soal Selidik</b>	<i>Soalan 1:</i> Membaca dan memahami semua nota dalam Bab 1-7 dalam Modul <i>Malay For Beginners</i> dan Bab 1-9 dalam <i>Malay For Intermediate</i> .	Sangat Setuju: 53 Setuju: 13 Tidak Pasti: 7 Tidak Setuju: 5 Sangat Tidak Setuju: 2	Sangat Setuju: 66% Setuju: 16% Tidak Pasti: 9% Tidak Setuju: 6% Sangat Tidak Setuju: 3%
	<i>Soalan 2:</i> Menjawab semua soalan latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i> dalam Modul <i>Malay For Beginners</i> dan <i>Malay For Intermediate</i> .	Sangat Setuju: 49 Setuju: 18 Tidak Pasti: 3 Tidak Setuju: 10 Sangat Tidak Setuju: 0	Sangat Setuju: 61% Setuju: 23% Tidak Pasti: 4% Tidak Setuju: 12% Sangat Tidak Setuju: 0%
	<i>Soalan 3:</i> Modul <i>Malay For Beginners</i> dan <i>Malay For Intermediate</i> (para pelajar yang telah mengambil kedua-dua tahap) membantu anda untuk bertutur bahasa Melayu dan adakah topik-topik dalam silibusnya rapat dengan kehidupan anda sebagai pelajar.	Sangat Setuju: 58 Setuju: 7 Tidak Pasti: 6 Tidak Setuju: 9 Sangat Tidak Setuju: 0	Sangat Setuju: 73% Setuju: 9% Tidak Pasti: 8% Tidak Setuju: 10% Sangat Tidak Setuju: 0%
	<i>Soalan 4:</i> Aktiviti di dalam dan luar kelas membantu anda untuk bertutur dan menguasai bahasa Melayu.	Sangat Setuju: 61 Setuju: 10 Tidak Pasti: 7 Tidak Setuju: 1 Sangat Tidak Setuju: 1	Sangat Setuju: 76% Setuju: 13% Tidak Pasti: 9% Tidak Setuju: 1% Sangat Tidak Setuju: 1%
	<i>Soalan 5:</i> Aktiviti persembahan lakonan dan nyanyian (drama muzikal) pada minggu akhir membantu anda untuk bertutur dan menonjolkan penguasaan bahasa Melayu.	Sangat Setuju: 63 Setuju: 10 Tidak Pasti: 0 Tidak Setuju: 6 Sangat Tidak Setuju: 1	Sangat Setuju: 79% Setuju: 13% Tidak Pasti: 0% Tidak Setuju: 7% Sangat Tidak Setuju: 1%

Soal selidik telah dijalankan kepada 80 pelajar yang telah mengambil kedua-dua tahap kursus Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan soal selidik ini, sebanyak 66% sangat setuju dengan menyatakan mereka membaca dan memahami semua nota dalam bab 1-7 dalam modul *Malay for Beginners* dan bab 1-9 dalam *Malay for Intermediate*. 16% setuju, 9% tidak pasti, 6% setuju dan 3% sangat tidak setuju.

Responden juga menyatakan mereka menjawab semua soalan latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing* dalam modul *Malay for Beginners* dan *Malay for Intermediate*, iaitu sangat setuju: 61%, setuju: 23%, tidak pasti: 4%, tidak setuju: 12% dan tiada sangat tidak setuju. Temu bual juga dilakukan kepada responden tentang soalan ini. Secara keseluruhan, pelajar berpendapat modul dan topik serta aktiviti yang terkandung banyak membantu pelajar bahasa asing ini dengan sistematik, menyeluruh, mudah dan berkesan.

Seterusnya, pengkaji mendapatkan maklum balas mengenai pandangan tentang topik-topik dalam silibus *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate* sama ada rapat dengan kehidupan pelajar atau sebaliknya. Keputusan menunjukkan seramai 73% pelajar antarabangsa sangat setuju, 9% pelajar bersetuju, 8% pelajar tidak pasti tentang persoalan ini, 10% pelajar tidak setuju manakala pelajar yang sangat tidak setuju adalah 0% atau tiada yang sangat tidak bersetuju. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan respon berkenaan aktiviti di dalam dan luar kelas sama ada membantu pelajar untuk bertutur dan menguasai bahasa Melayu ataupun tidak. Hasil soal selidik membuktikan pelajar antarabangsa tersebut yang sangat bersetuju adalah 76%, bersetuju, 13%, tidak pasti, 9%, tidak bersetuju, 1% serta sangat tidak setuju hanyalah 1 %.

Soalan kelima yang ditanya kepada responden dalam kalangan pelajar antarabangsa di UMP ini ialah pandangan tentang aktiviti persembahan lakonan dan nyanyian (drama muzikal) pada minggu akhir membantu mereka untuk bertutur dan menonjolkan penguasaan bahasa Melayu ataupun pandangan yang berbeza. Hasil soal selidik menunjukkan bahawa seramai 79% pelajar sangat bersetuju tentang keberkesanan aktiviti ini, bersetuju, 13%, tidak pasti, 0%, tidak setuju, 7% dan seterusnya sangat tidak setuju hanya 1% sahaja.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan menunjukkan bahawa modul dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam kursus *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate* mencapai objektif PdP yang telah ditetapkan. Sebahagian besar pelajar telah mencapai tahap penguasaan bahasa Melayu yang memuaskan. Walaupun gaya pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb ini tidak disusun mengikut langkah yang telah digunakan oleh guru bahasa di UMP ini, namun keempat-empat gaya yang digunakan secara susunan ini menunjukkan keberkesanan dan inovasi yang baik dalam membantu pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih baik, tersusun, interaktif, inovatif dan tidak membosankan. Empat kategori gaya pembelajaran Kolb ini ternyata satu model yang sangat baik diaplikasikan dalam kursus bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa kerana model ini mengetengahkan kesemua elemen PdP di dalam dan di luar kelas termasuk aktiviti praktikal. Gaya pembelajaran Kolb ini membantu pengkaji untuk mendapatkan kaedah PdP yang lebih berfokus, terperinci dan mencakupi kesemua kehendak pembelajaran masa kini. Hasil pembelajaran dan maklum balas daripada para pelajar menunjukkan kaedah ini adalah inisiatif yang baik dan boleh diperlakukan dalam membantu para pelajar untuk menguasai bahasa Melayu. Justeru itu, kaedah ini boleh digunakan oleh pelajar asing di universiti lain dan pengkaji mengharapkan penambahbaikan dan sumbang saran untuk kajian pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Ellen Bialystok, E. (1985). The compatibility of teaching and learning strategies. *Applied Linguistics* 6: 255-262.  
Christison, M. A. (2003). *Learning Styles and Strategies*. Dlm D. Nunan (Ed.). Practical English Language Teaching. New York: McGraw Hill.  
Jamilah Bebe Mohamad. (2018). Modul UHF2161: *Malay for Intermediate*.  
Juwairiah Osman dan Jamilah Bebe Mohamad. (2018). Modul UHF1161: *Malay for Beginners*.  
Hartman V.F. (1995). Teaching and learning style preferences: Transitions through technology. *VCCA Journal*. 9, 18-20  
Honey, P. & Mumford, A. (1992). *The manual of learning styles*. Maidenhead: Peter Honey.  
Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development* (Vol. 1). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.  
Nur Khadijah Abu Bakar dan Zamri Arifin. (2014). *Penggunaan strategi belajar bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua: Satu sorotan*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab (2014) Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA .

- Oxford, R.L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Hubungan antara strategi pembelajaran bahasa Melayu dengan motivasi dalam kalangan pelajar di Jerman. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 7.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17* (1), February 2017 <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>
- Rohaila Yusof Norasmah Othman dan Faridah Karim. (2005). Strategi pembelajaran pengalaman berdasarkan model kolb dalam pendidikan perakaunan. *Jurnal Pendidikan* 30 (2005) 113 – 128.
- Rubin, J. (1975). What the good language learner can teach us. *TESOL Quarterly* 9, 41-51.
- Stern, H. H. (1975). What can we learn from the good language learner? *Canadian Modern Language Review*, 31, 304-318.
- Wang, J. (2015). L'impact des stratégies et styles d'apprentissage sur le sentiment de réussite ou d'échec dans l'apprentissage de langues étrangères, *Recherche et pratiques pédagogiques en langues de spécialité* [Online], Vol. XXXIV N° 2 | 2015, diakses pada 30 Mei 2016 dari URL: <http://apliut.revues.org/5223>
- Zamri Mahamod Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jamaludin Badusah & Sharala A/P Subramaniam. (2014). Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing berdasarkan kemahiran bahasa dan gred (Malay language learning strategies among foreign students based on language skills and grade). *Jurnal Personalia Pelajar* 17 (2014): 75 – 81: Universiti Kebangsaan Malaysia.